

# Usahawan IKS timba pengalaman berharga

**Serdang:** Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini menganjurkan Program SME@UPM, bertujuan memberi peluang kepada usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran tambahan berhubung perniagaan dijalankan.

Program dianjurkan dengan kerjasama SME Corporation Malaysia (SMECorp) turut bermatlamat mendedahkan peserta dengan selok belok perniagaan, selain membantu mereka mendapatkan pembelajaran berstruktur bagi meningkatkan prestasi perniagaan secara mapan.

Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), UPM, Prof Dr Azali Mohamed, berkata program selama empat bulan

itu menawarkan ilmu baharu kepada peserta dan membolehkan mereka menambahkan jaringan hubungan perniagaan untuk menggalakkan bisnes syarikat.

Beliau berkata, sembilan modul disampaikan melalui pengendalian kelas pada Sabtu dan Ahad, iaitu Prestasi Kepimpinan dan Mengurus Industri Kecil dan Sederhana (SME) Kelas Dunia; Pengurusan Sumber Manusia Berkesan untuk SME; Pemasaran Kreatif dan Kejayaan Perniagaan serta Pengurusan Perakaunan untuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

“Modul lain adalah Keusahawanan dan Rangkaian Perniagaan; Peluang Perniagaan, Pertumbuhan dan Pemodelan; Undang-Undang

dan Etika; Pengurusan Operasi Berkesan serta Juara Perniagaan (Modul Khusus),” katanya.

Program itu diadakan di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, UPM dengan sokongan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

## Tingkat kefahaman

Program itu mengetengah kan modul terperinci yang dapat meningkatkan kefahaman peserta mengenai pengetahuan dan kemahiran diperlukan mereka untuk muncul sebagai sebuah perusahaan nasional, serantau dan global.

Azali berkata, pihaknya menyasarkan untuk membantu pemilik IKS bagi membangunkan dan memupuk budaya positif dalam syarikat

diusahakan.

Sementara itu, Pengerusi dan Penyelaras Program, Prof Madya Dr Azmawati Abd Rahman, berkata program itu disertai 21 CEO dalam kalan gan usahawan pelbagai sektor, termasuk pembinaan, minuman, makanan, pertanian, peruncitan dan penglanggan.

“Tenaga pengajar atau pengendali modul ini terdiri daripada 80 peratus pakar di universiti dan 20 peratus lagi pakar jemputan.

“Di samping pembelajaran di dalam kelas, peserta berpeluang mengadakan program lawatan industri ke Jepun yang berkaitan industri automobil, servis, teknologi hijau, syarikat perkhidmatan dan pengilangan,” katanya.



**Peserta program sedang menjalankan** Modul Pengurusan Operasi yang mendedahkan mereka dengan kaedah peningkatan produktiviti perniagaan.